



سورو هنجاي ڤرساينج بروني دارالسلام  
Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam  
Competition Commission of Brunei Darussalam

# GARISPANDUAN PERSAINGAN BAGI PENIAGA

Panduan Peniaga bagi Mematuhi Perintah Persaingan 2015



## **Isi Kandungan**

- 1 Ringkasan: Bagaimana persaingan yang sihat boleh memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga?
- 2 Perintah Persaingan 2015
- 3 Adakah Perintah Persaingan 2015 dikenakan kepada perniagaan awda?
- 4 Fasa Pelaksanaan
- 5 Larangan-larangan Utama
- 6 Pihak Berkuasa
- 7 Kuasa Penyiasatan
- 8 Keputusan Suruhanjaya Persaingan
- 9 Pelanggaran Perintah Persaingan 2015
- 10 Permohonan Pengecualian dan Pengecualian
- 11 Apa yang boleh awda lakukan untuk melindungi perniagaan awda?
- 12 Ketahui perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan
- 13 Bagaimana pelanggaran Perintah Persaingan 2015 boleh menjaskan perniagaan awda?
- 14 Tahu sesiapa yang melanggar Perintah Persaingan 2015?

Garis panduan ini memberi gambaran asas mengenai Perintah Persaingan 2015 dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada Perintah berkenaan.

Para peniaga dikehendaki untuk mematuhi Perintah Persaingan 2015 dan jika didapati bersalah di bawah Perintah ini, peniaga akan berhadapan dengan tindakan seperti dikenakan penalti kewangan.

Oleh itu, para peniaga dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan pematuhan terhadap Perintah Persaingan 2015 dan memastikan semua kakitangan perniagaan di setiap peringkat dimaklumkan mengenai Garispanduan Persaingan ini.

## **Ringkasan: Bagaimana persaingan yang sihat boleh memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga?**

Persaingan di dalam pasaran akan terjejas apabila para peniaga bersepakat dan membuat perjanjian untuk tidak bersaing sesama sendiri. Persaingan yang sihat memberi manfaat kepada semua – pengguna atau peniaga. Persaingan yang sihat akan:



## **Perintah Persaingan 2015**



Perintah Persaingan 2015 melarang dan mencegah para peniaga di semua sektor dari melakukan perbuatan anti-persaingan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan di dalam mana-mana pasaran Negara Brunei Darussalam.

Perintah ini mempunyai objektif untuk menggalakkan kecekapan pasaran dan meningkatkan kebijakan pengguna di Negara Brunei Darussalam. Ia menggalakkan para peniaga untuk bersaing di dalam pasaran bagi meningkatkan produktiviti, inovasi dan mempelbagaikan pilihan pengguna serta meningkatkan kualiti barang.

Perintah ini juga bertujuan untuk mewujudkan persekitaran propertiagaan di mana para peniaga bersaing secara bebas dan dilindungi daripada amalan anti-persaingan yang memudaratkan oleh pembekal dan peniaga di dalam sesebuah industri. Perintah ini membantu peniaga untuk membangunkan urustadbir yang baik, adil dan jujur dalam urusan perniagaan. Perintah Persaingan 2015 akan mendukung para peniaga komuniti Brunei untuk bersaing berdasarkan merit dan menjadi lebih responsif terhadap keperluan dunia yang sentiasa berubah.

Perintah Persaingan telah diluluskan pada tahun 2015 dan diwartakan pada 29hb Mac 2015.

## **Adakah Perintah Persaingan 2015 dikenakan kepada perniagaan awda?**

Perintah Persaingan 2015 dikenakan kepada semua aktiviti komersial di Negara Brunei Darussalam kecuali aktiviti yang tersenarai di dalam kategori di bawah senarai Pengecualian seperti di Jadual 3 Perintah ini (Lihat halaman 15).



## Fasa Pelaksanaan

Perintah Persaingan 2015 akan dilaksanakan secara berperingkat mulai dengan penguatkuasaan larangan pertama iaitu 'Perjanjian Anti-Persaingan'. Para peniaga akan diberi tempoh peralihan bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dan membuat persediaan untuk mematuhi Perintah ini bermula dari tarikh yang akan diumumkan oleh Pihak Berkuasa. Walaupun larangan-larangan utama di bawah Perintah ini tidak akan dilaksanakan secara serta merta, para peniaga perlu memastikan bahawa mereka memahami skop undang-undang yang luas serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mematuhiinya.

## Larangan-larangan Utama

Perintah Persaingan 2015 melarang 3 amalan anti-persaingan:



**Perjanjian Anti-Persaingan**  
**Bab 11**



**Penyalahgunaan Kedudukan Dominan**  
**Bab 21**



**Penggabungan Anti-Persaingan**  
**Bab 23**

### 1. Perjanjian Anti-Persaingan

Perjanjian anti-persaingan juga lazim dikenali sebagai **kartel**.

Bab 11 di bawah Perintah Persaingan 2015 melarang sebarang perjanjian di antara peniaga yang mempunyai matlamat atau kesan untuk menghalang, mengganggu atau menyekat persaingan di Negara Brunei Darussalam. Larangan ini dikenakan kepada perjanjian di antara para peniaga tanpa mengira bagaimana dan di mana perjanjian tersebut dicapai, iaitu sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.



#### TINGGALKAN PERBINCANGAN!

Jika awda mendapati diri awda berada di dalam perbincangan mengenai perjanjian anti-persaingan atau maklumat komersial yang sensitif, katakan tidak dan tinggalkan perbincangan tersebut.



#### Tahukah awda?

- Perjanjian boleh dicapai melalui pelbagai cara, antaranya:
- Berbual mengenai maklumat komersial yang sensitif (harga dan pengeluaran) semasa minum bersama rakan yang juga merupakan pesaing awda,
- Menggunakan bahasa isyarat seperti mengenyitkan mata atau mengangguk sebagai tanda persetujuan terhadap perjanjian berkenaan,
- Pesanan teks tidak rasmi atau interaksi melalui media sosial, atau
- Berada di dalam situasi di mana awda boleh mendengar sesuatu perbincangan mengenai perjanjian dan tidak menunjukkan sebarang penolakan terhadap perjanjian tersebut.

## Perjanjian Anti-Persaingan yang perlu diberi perhatian:

### Penetapan Harga

Penetapan harga terjadi apabila para peniaga secara langsung atau tidak langsung bersetuju untuk menaikkan atau mengekalkan harga barang atau perkhidmatan dan tidak bersaing sesama sendiri untuk menawarkan nilai terbaik kepada pengguna.



Ini termasuk keputusan yang dibuat oleh persatuan untuk menaikkan harga barang atau perkhidmatan, mengenakan caj atau menetapkan Garispanduan bagi kadar caj.

### Kes: Penetapan Harga

Sebanyak 15 buah perusahaan di bawah Persatuan Sibu Confectionary and Bakery (SCBA) didapati terlibat dalam perjanjian anti-persaingan.



Semasa Mesyuarat Umum SCBA Kali Kedua, perusahaan-perusahaan tersebut telah membincangkan perjanjian untuk menaikkan harga-harga produk roti sebanyak 10 ke 15 peratus. Bukti perbincangan telah direkod di dalam minit mesyuarat dan telah disiarkan di dalam sebuah akhbar tempatan.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mendapati objektif perjanjian tersebut sebagai suatu aktiviti yang menyekat persaingan. Apabila para peniaga berpaktat, harga akan meningkat dan pengguna akan membayar lebih dari sepatutnya. 15 buah syarikat yang terlibat telah dikenakan denda berjumlah RM 247,730.

Sumber: <http://www.mycc.gov.my/sites/default/files/15%20members%20of%20SCBA.pdf>

### Penipuan Bidaan

Penipuan bidaan juga lazim dikenali sebagai pakatan tawaran tender.



Ia merujuk kepada perbuatan para peniaga yang memanipulasi proses dan/atau dokumen tawaran tender dengan menetapkan pemenang tender, dan/atau memastikan tawaran tender diberikan pada harga yang tinggi. Terdapat pelbagai bentuk penipuan bidaan, antaranya:

- bersetuju untuk memenangi tawaran tender secara bergilir-gilir ("Bidaan Secara Bergilir"),
- bersetuju untuk tidak menghantar tawaran tender ("Bidaan Yang Menindas"), atau
- bersetuju untuk menghantar tawaran tender yang kurang menarik agar tidak menang ("Pembidaan Terselindung").

### Kes: Penipuan Bidaan

Dua syarikat global farmaseutikal, GSK dan Sanofi, telah didapati menubuhkan sebuah kartel bagi mendapatkan tawaran tender kerajaan untuk membekalkan vaksin Meningitis yang diperlukan oleh jemaah-jemaah Haji setiap tahun.




Kedua-dua syarikat telah bersepakat untuk membahagikan kuantiti tawaran tender tersebut. Kedua syarikat menghantar tawaran tender dengan harga yang sangat tinggi tanpa ada kenaikan kos pengeluaran kerana ingin mendapatkan keuntungan yang lebih. Tanpa adanya peniaga lain yang menyertai tawaran tender tersebut, para pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi untuk vaksin berkenaan.

Kes ini telah dibawa kepada Suruhanjaya Persaingan India (CCI) melalui aduan dari syarikat farmaseutikal lain iaitu Bio-Med. Kedua syarikat GSK dan Sanofi didapati bersalah. Pihak CCI mengenakan penalti berjumlah USD \$9.4 juta (anggaran sebanyak BND \$13.2 juta) dan telah dikeluarkan perintah untuk berhenti dan menjauhi perlakuan anti-persaingan tersebut.

Sumber: [http://www.cci.gov.in/sites/default/files/262013\\_0.pdf](http://www.cci.gov.in/sites/default/files/262013_0.pdf)

## Pembahagian Pasaran



Di dalam perjanjian pembahagian pasaran, para peniaga bersetuju untuk membahagikan pasaran mereka sama ada melalui kawasan geografi atau jenis pelanggan.

Mereka bersetuju untuk hanya menjual di kawasan tertentu di dalam pasaran tanpa bersaing dengan yang lain. Ini menghadkan jumlah pembekal di dalam pasaran dan menyebabkan pelanggan membayar lebih dari sepatutnya untuk barang atau perkhidmatan.

### Kes: Pembahagian Pasaran

Tiga buah syarikat konkrit pra-campuran di Australia iaitu Pioneer Concrete, Boral Resources dan CSR, telah didapati terlibat dalam pembahagian pasaran dari tahun 1989 hingga tahun 1994.



Syarikat-syarikat terbabit membahagikan pelanggan kepada pembekal tertentu dan bersetuju untuk tidak bersaing termasuk dalam beberapa projek besar pembinaan. Bagi mengekalkan pembahagian pasaran, syarikat-syarikat terbabit telah melantik seorang akauntan untuk memantau perjanjian mereka. Ini menyebabkan pengguna kehilangan kuasa penawaran (bargaining power) dan pilihan yang berkurangan dalam pasaran konkrit.

Syarikat-syarikat berkenaan telah membincangkan perjanjian ini melalui lebih daripada 50 mesyuarat dan perbualan telefon. Mereka didapati bersalah dan dikenakan penalti berjumlah AUD \$19.8 juta (anggaran sebanyak BND \$21.8 juta) oleh Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC).

Sumber: <https://www.accc.gov.au/business/anti-competitive-behaviour/cartels/cartels-case-studies-legal-cases>

## Pengawalan Bekalan



Pengawalan bekalan melibatkan perjanjian di antara para peniaga untuk mengawal kuantiti barang atau perkhidmatan di pasaran. Kurangnya bekalan barang atau perkhidmatan akan menyebabkan kenaikan harga kerana ketidakcukupan bekalan untuk memenuhi permintaan (demand) pasaran.

### Kes: Pengawalan Bekalan

Pada tahun 2002, ahli-ahli Persatuan Tasmanian Atlantic Salmon Growers (TSGA) membuat persetujuan untuk mengurangkan stok sebanyak 10 peratus.



Industri ikan salmon pada masa itu sedang mengalami kesulitan kewangan dan bekalan ikan adalah lebih tinggi daripada permintaan pasaran. TSGA berpendapat bahawa dengan mengurangkan bekalan akan dapat memenuhi jumlah permintaan pasaran dan seterusnya mengelakkan harga daripada menurun. TSGA telah mendapatkan khidmat nasihat undang-undang tetapi memberikan penerangan yang kurang jelas kepada peguam yang dilantik menyebabkan TSGA percaya bahawa perjanjian tersebut tidak melanggar undang-undang persaingan.

Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC) menyimpulkan bahawa TSGA adalah bersalah kerana melakukan pengawalan bekalan. Namun, mengambil kira keadaan industri ikan salmon yang mengalami kesulitan, dan usaha bagi mendapatkan nasihat undang-undang serta kerjasama yang diberikan oleh TSGA, pihak ACCC memutuskan untuk tidak mengenakan denda penalti. Sebaliknya, pihak ACCC memperolehi perintah mahkamah bagi TSGA mewujudkan program pematuhan, mengikuti sesi latihan praktikal perdagangan, dan melarang persatuan berkenaan dari mengawal bekalan di masa akan datang.

Sumber: <https://www.accc.gov.au/business/anti-competitive-behaviour/cartels/cartels-case-studies-legal-cases>

## 2. Penyalahgunaan Kedudukan Dominan

Menjadi peniaga dominan di dalam pasaran bukanlah suatu kesalahan. Walau bagaimanapun, Bab 21 di bawah Perintah Persaingan 2015 melarang peniaga yang mempunyai kuasa dominan di dalam mana-mana pasaran daripada **menyalahgunakan kedudukan dominan** dengan melakukan amalan yang menghalang atau menyekat perniagaan lain dari bersaing di dalam pasaran. Ini termasuk perlakuan seperti berikut:



 Harga pemangsa (predatory pricing) – apabila peniaga dominan dengan sengaja mengenakan harga yang jauh lebih rendah di bawah kos dengan tujuan untuk memaksa peniaga lain keluar dari pasaran. Meskipun pengguna beroleh manfaat daripada harga yang rendah dalam jangka pendek, kebijakan pengguna akan terjejas dalam jangka panjang kerana kurangnya persaingan yang menyumbang kepada kenaikan harga serta pilihan dan kualiti yang berkurangan;

 Perjanjian ekslusif dan keengganan untuk membekal – apabila peniaga dominan menolak untuk membekalkan kepada syarikat atau pelanggan tertentu tanpa sebab yang munasabah. Sebagai contoh, pembekal hanya akan menjual kepada peruncit jika peruncit tersebut tidak membeli daripada pembekal lain; atau

 Menawarkan harga atau syarat yang berbeza kepada para pengguna tanpa sebab yang munasabah.



**Berhati-hati dengan perkara berikut jika awda mempunyai kedudukan dominan di dalam pasaran:**

- melaksanakan *loyalty programmes* atau perjanjian eksklusif dengan pengguna;
- mengenakan harga dan syarat yang berbeza kepada pelanggan perniagaan yang pada dasarnya mempunyai kelayakan kredit dan jumlah pembelian yang sama;
- menggunakan suatu produk sebagai insentif bagi pelanggan untuk membeli produk lain;
- menjual produk atau perkhidmatan dengan harga di bawah kos;
- enggan membekalkan produk atau perkhidmatan tanpa sebab yang munasabah;
- membuat pembelian bersama (*joint purchase*) atau perjanjian pengeluaran.

### Kes: Penyalahgunaan Kedudukan Dominan

Ketua pengeluar motosikal nasional di pasaran Thailand telah dituduh menyalahgunakan kedudukan dominan.

Syarikat tersebut memiliki bahagian pasaran dianggarkan sebanyak 75 peratus berdasarkan jumlah jualan; ini bernilai kira-kira 24 juta THB (hampir BND \$1 juta) pada tahun fiskal 2002. Syarikat telah dituduh memaksa para pengedar umum untuk:

- i) menjual motosikal keluaran syarikat SAHAJA,
- ii) menanggalkan papan iklan pesaing lain, dan
- iii) membuat perjanjian eksklusif untuk menolak pengilang lain.



Kelakuan anti-persaingan syarikat yang mengetuai pasaran ini telah menghadkan jenis pilihan motosikal yang ada di pasaran. Memandangkan para pengedar hanya dibolehkan membeli daripada syarikat dominan tersebut, mereka juga terpaksa menerima harga yang ditetapkan oleh syarikat. Para pengguna berhadapan dengan pilihan yang terhad, kualiti yang berpotensi berkurangan dan harga yang meningkat.


Suruhanjaya Persaingan Perdagangan Thailand mendapati syarikat berkenaan melanggar undang-undang persaingan dan melaporkan kes tersebut kepada pendakwa raya dengan cadangan untuk membuka prosiding jenayah.

### 3. Penggabungan Anti-Persaingan




Tidak semua penggabungan menimbulkan isu persaingan di bawah Perintah Persaingan 2015. Bab 23 di bawah Perintah Persaingan 2015 hanya melarang penggabungan yang menyumbang kepada menyekat atau mengurangkan persaingan di Negara Brunei Darussalam.

Isu persaingan akan timbul apabila dua atau lebih banyak syarikat bergabung menjadi satu entiti tunggal dengan kuasa yang signifikan di dalam pasaran selepas penggabungan dan seterusnya mempunyai kuasa monopoli atau dominan yang berpotensi untuk disalahgunakan.



### Pihak Berkuasa



### Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna

Fungsi penyiasatan dan pentadbiran dilaksanakan oleh Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna adalah Autoriti Persaingan Kebangsaan yang menerima aduan mengenai kes-kes persaingan dan mengendali serta menyiasat kes-kes persaingan sebelum dibawa kepada Suruhanjaya untuk perbicaraan dan keputusan.

## **Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam**

Perintah Persaingan 2015 memperuntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam. Suruhanjaya Persaingan bertanggungjawab bagi menguatkuasakan Perintah Persaingan 2015 dan dimandatkan untuk melaksanakan perbicaraan dan membuat keputusan mengenai aduan berkaitan dengan persaingan yang diterima.

Antaralainnya, fungsi Suruhanjaya Persaingan juga termasuk:

- Memutuskan untuk membuka kes/penyiasatan
- Menentukan pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Perintah Persaingan 2015
- Menentukan denda atau apa-apa remedи yang difikirkan bersesuaian
- Mengendalikan perbicaraan dengan individu atau pihak yang terlibat jika perlu
- Memberi cadangan kepada Menteri mengenai permohonan pengecualian individu dan blok

## **Tribunal Rayuan Persaingan**

Keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Persaingan boleh direbu dan dirayu semula melalui Tribunal Rayuan Persaingan. Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan adalah muktamad.

## **Kuasa Penyiasatan**

Perintah Persaingan 2015 memberi kuasa kepada pihak Autoriti untuk menyiasat jika terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki berlakunya atau akan berlakunya pelanggaran Perintah Persaingan 2015. Kuasa tersebut membolehkan pihak Autoriti untuk:

- Meminta dokumen-dokumen atau maklumat tertentu daripada mana-mana individu atau perniagaan dengan memberi notis bertulis.
- Memasuki premis tanpa waran setelah memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada penghuni premis, untuk mendapatkan salinan dokumen yang relevan.
- Memasuki dan memeriksa premis dengan waran mahkamah dan menyita dokumen-dokumen yang relevan serta mengambil sebarang peralatan atau artikel daripada premis berkenaan bagi tujuan pemeriksaan.



## **Keputusan Suruhanjaya Persaingan**

Dalam keadaan di mana Suruhanjaya mencadangkan bahawa pelanggaran larangan Perintah Persaingan 2015 telah berlaku selepas penyiasatan dan penelitian terperinci terhadap dokumen-dokumen serta laporan atau kenyataan dilaksanakan, pihak Suruhanjaya Persaingan akan:

- Memberi notis bertulis kepada individu yang akan terkesan dengan keputusan yang dibuat; dan
- Memberi peluang kepada individu tersebut untuk membuat penjelasan kepada Suruhanjaya Persaingan.

## Pelanggaran Perintah Persaingan 2015

Apabila Suruhanjaya Persaingan telah memutuskan bahawa seseorang telah melanggar Perintah Persaingan 2015, Suruhanjaya Persaingan boleh:

- Mengeluarkan arahan kepada individu terbabit untuk mengambil tindakan, mengurangkan atau menghentikan sebarang kesan negatif dan mencegah daripada berulangnya pelanggaran; dan/atau
- Mengenakan penalti kewangan sehingga 10 peratus dari jumlah hasil dapatan perniagaan bagi tempoh maksima sehingga tiga tahun.



### Tahukah awda?

Jika awda melanggar Perintah Persaingan 2015,

- Perniagaan awda boleh berhadapan dengan tuntutan pihak ketiga daripada mana-mana individu yang menanggung kerugian atau kerosakan
- Perniagaan awda akan mengalami kehilangan reputasi dan nama baik di kalangan pelanggan dan orang ramai

## Permohonan Pengecualian

Perjanjian yang pada dasarnya mengandungi elemen anti-persaingan boleh dikecualikan dengan syarat perjanjian tersebut mempunyai manfaat dan menyumbang kepada:

- Meningkatkan pengeluaran atau pengedaran; dan/ atau
- Menggalakkan kemajuan teknikal atau ekonomi.



Perjanjian yang dilarang hanya boleh dikecualikan melalui kelulusan atau kebenaran tertentu daripada Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal persaingan. Terdapat beberapa syarat di mana perjanjian anti-persaingan boleh dikecualikan dan juga prosedur yang harus dipatuhi untuk mendapatkan pengecualian tersebut.

## Pengecualian

Jadual Ketiga Perintah Persaingan 2015 menyediakan pengecualian tertentu bagi larangan-larangan di dalam Perintah berkenaan seperti berikut:

Larangan-Larangan Utama	Pengecualian
Perjanjian Anti-Persaingan	Perjanjian menegak ( <i>Vertical agreements</i> ) Perjanjian yang mempunyai manfaat ekonomi bersih Perjanjian yang termasuk di dalam skop pengecualian blok
Perjanjian Anti-Persaingan dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan	Perusahaan yang diamanahkan dengan pengendalian perkhidmatan yang mempunyai kepentingan ekonomi am atau mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil Perjanjian/kelakuan yang dilakukan bagi mematuhi suatu kehendak undang-undang di bawah sebarang undang-undang bertulis Perjanjian yang perlu bagi mengelakkan percanggahan dengan obligasi antarabangsa Negara Brunei Darussalam
	Perjanjian yang dibuat berdasarkan dasar awam
	Perjanjian kelakuan yang berkaitan dengan mana-mana barang atau perkhidmatan yang dikawalselia oleh perundungan persaingan lain atau kod amalan
	Perjanjian/kelakuan yang berkaitan dengan Tempat Penjelasan yang ditubuhkan di bawah Perintah Perbankan, 2006
	Perjanjian/kelakuan yang berkaitan langsung dan perlu bagi pelaksanaan suatu penggabungan
	Perjanjian/kelakuan yang mengakibatkan atau yang berkemungkinan mengakibatkan penggabungan

Larangan-Larangan Utama	Pengecualian
Perjanjian Anti-Persaingan dan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan	<p>Melaksanakan aktiviti tertentu seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pembekalan perkhidmatan pengurusan bahan buangan, termasuk pemungutan, rawatan dan pelupusan bahan buangan</li> <li>b) Pembekalan perkhidmatan bas bejadual</li> <li>c) Pembekalan barang dan perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Akta Monopoli (Penggal 73): <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempunyai lesen untuk mengumpul dan mengeksport kulit buaya, ular sawa dan biawak dari Brunei Darussalam</li> <li>ii. Pengendalian semua jenis senjata api dan peluru serta semua jenis peralatan pertahanan dan senjata untuk pasukan keselamatan yang ditubuhkan dengan sah oleh Kerajaan Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan</li> </ul> </li> </ul>
Penggabungan Anti-Persaingan	<p>Penggabungan yang dibenarkan oleh mana-mana Menteri atau pihak berkuasa pengawalseliaan di bawah sebarang perundangan bertulis</p> <p>Penggabungan yang dibenarkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD)</p> <p>Penggabungan di bawah bidang kuasa mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan di bawah sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan persaingan atau tata amalan berhubung dengan persaingan yang dikeluarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis</p> <p>Penggabungan yang mana kecekapan ekonomi yang terhasil daripada penggabungan itu melebihi kesan buruk disebabkan pengurangan besar persaingan dalam pasaran yang berkaitan di Negara Brunei Darussalam</p>

## Apa yang boleh awda dilakukan untuk melindungi perniagaan awda?

### Memohon kelonggaran

Perintah Persaingan 2015 menawarkan rejim kelonggaran, dengan pengurangan sehingga 100 peratus dari penalti yang sepatutnya dikenakan. Kelonggaran ini disediakan bagi mana-mana perniagaan yang telah mengakui penglibatannya di dalam perjanjian anti-persaingan, atau telah memberi kerjasama yang signifikan dalam penyiasatan langgaran mana-mana larangan.

Ianya berfungsi sebagai intensif kepada peniaga yang melanggar Perintah Persaingan untuk membuat pengakuan dan memberikan bukti. Peratus pengurangan berlainan tersedia tertakluk kepada sama ada peniaga adalah yang pertama mengakui penglibatannya, dan tahap peringkat penyiasatan semasa pengakuan penglibatan dalam pelanggaran diterima.

### Bertanggungjawab ke atas Pematuhan Perniagaan Awda


Untuk melindungi perniagaan awda, awda boleh mengambil beberapa langkah bagi memastikan kakitangan awda mengetahui dan mematuhi Perintah Persaingan 2015 melalui pelaksanaan satu set dasar atau program yang bertujuan untuk meningkatkan pematuhan persaingan.

#### Tip:

Beberapa cara untuk meningkatkan keberkesanan program pematuhan persaingan:

- Menyediakan rangka kerja dalaman yang berfungsi sebagai Garispanduan pematuhan bagi kakitangan
- Merebu dan menilai keberkesanan program dengan kerap
- Memelihara dasar dan prosedur pro-persaingan
- Memastikan program sentiasa dikemaskini selaras dengan peruntukan di bawah Perintah Persaingan
- Mengelakkan audit rasmi bagi proses jualan dan perolehan
- Memohon sesi taklimat daripada Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna

## Ketahui perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan



- Jangan bersetuju untuk menetapkan, menaikkan, mengekalkan atau mengawal harga barang atau perkhidmatan
- Jangan berkongsi maklumat atau strategi bidaan dengan pesaing apabila menghantar tawaran tender
- Jangan bersetuju untuk membahagikan pasaran dengan mentukan jualan, pelanggan atau kawasan geografi
- Jangan bersetuju untuk mengawal bekalan dan pengeluaran barang dan perkhidmatan
- Jangan menyertai perjanjian yang boleh memberi kesan buruk kepada persaingan di dalam pasaran
- Jangan membincangkan maklumat sulit perniagaan awda dengan pesaing lain, seperti:
  - Harga semasa atau akan datang;
  - Pengiraan keuntungan;
  - Taktik diskau;
  - Pengeluaran;
  - Pelan komersial atau pemasaran; dan
  - Terma dan syarat pembelian dan bekalan
- Jangan menghadiri mana-mana mesyuarat atau perjumpaan yang tidak berjadual melainkan awda jelas mengenai tujuan atau agendanya



Pelanggaran Perintah Persaingan boleh terjadi bila-bila dan di mana sahaja, tanpa mengira tempat dan bagaimana pelanggaran terjadi — pelanggaran boleh terjadi secara rasmi atau tidak rasmi. Perjanjian anti-pesaingan juga boleh dicapai dengan hanya mengenyitkan mata atau menganggukkan kepala di dalam majlis sosial sebagai tanda persetujuan.



- Memahami larangan utama Perintah Persaingan
- Bersaing berdasarkan merit bagi mendapatkan pelanggan
- Membuat keputusan perniagaan secara bebas
- Menjauhi sebarang perbincangan yang boleh menjelaskan perniagaan awda
- Menolak sebarang tawaran atau cadangan anti-pesaingan dengan membantah secara jelas
- Hanya membincangkan maklumat yang tidak sensitif dan tidak sulit
- Sentiasa berwaspada sebelum bertukar maklumat dengan pesaing lain
- Mengambil langkah berhati-hati apabila mengumpul maklumat daripada ahli-ahli persatuan

Jika awda ragu, sila dapatkan nasihat undang-undang secara bebas atau hubungi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)

## Bagaimana pelanggaran Perintah Persaingan boleh menjelaskan perniagaan awda?

Melanggar Perintah Persaingan boleh menjelaskan perniagaan awda melalui beberapa cara:

- Perniagaan didenda – perniagaan awda akan didenda sehingga 10 peratus dari jumlah hasil dapatan perniagaan di Negara Brunei Darussalam untuk setiap tahun pelanggaran yang dibuat bagi tempoh maksima sehingga tiga tahun.
- Menjelaskan reputasi – perniagaan awda akan mengalami kehilangan reputasi dan kepercayaan para pelanggan dan orang ramai.
- Perintah berhenti – perniagaan awda mungkin perlu menghentikan operasi atau mengubahsuai aktiviti atau perlakuan anti-persaingan.
- Perniagaan disaman – perniagaan awda akan berhadapan dengan tuntutan pihak ketiga daripada mana-mana individu

## Tahu sesiapa yang melanggar Perintah Persaingan 2015?

### Buat laporan atau aduan

Jika awda mengesyaki atau mengetahui perniagaan yang melanggar Perintah Persaingan 2015 atau jika awda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai persaingan, jangan teragak-agak untuk menyuarakannya kepada Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Ketahui lebih lanjut mengenai Perintah Persaingan 2015

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Blok 2A, Level 3, West Wing, Bilik 3.04,  
Jalan Ong Sum Ping  
Bandar Seri Begawan BA1311  
Negara Brunei Darussalam

Telefon	: (+673) 223 3344
Faks	: (+673) 223 0203
Emel	: <a href="mailto:brunei.competition@jpke.gov.bn">brunei.competition@jpke.gov.bn</a>
Laman sesawang	: <a href="http://www.ccbd.gov.bn">www.ccbd.gov.bn</a>